

07 MAY 1998

Samy - pusat

PUSAT PELAJAR AKAN DITUBUHKAN DI SEKOLAH YANG BERMASALAH

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Institut Kemajuan Pendidikan Maju, iaitu jentera pendidikan MIC, akan menubuhkan pusat pelajar berhampiran atau di sekolah-sekolah terpilih, untuk mengelakkan pelajar terlibat dengan kegiatan jenayah.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata pusat itu akan dilengkapi dengan komputer dan kemudahan lain untuk pelajar menggunakan masa secara produktif selepas waktu sekolah.

"Pusat itu juga akan mempunyai peralatan permainan dan perpustakaan," katanya kepada pemberita selepas menemui lebih dari 500 pelajar India di Sekolah Menengah Taman Selayang I & II dekat sini hari ini, bagi membincangkan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat.

Menyuarakan kekesalannya berikutan jumlah tinggi kaum India yang terlibat dalam kegiatan jenayah, Samy Vellu berkata MIC berharap untuk menyemaikan pemikiran positif kepada pelajar pada umur yang muda.

Beliau berkata pusat seumpama itu yang telah ditubuhkan di kawasan Parlimennya di Sungai Siput telah pun berjaya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata sebuah pusat akan ditubuhkan berhampiran sekolah Taman Selayang tidak lama lagi, yang akan menjadi model bagi pusat-pusat lain.

Berkaitan dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lepas, penempatan semula kuil Hindu hendaklah dilakukan dengan cara yang teratur agar ia tidak menyakiti perasaan mereka yang terlibat, Samy Vellu berharap kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan mematuhi keputusan itu.

Dr Mahathir bercakap dalam satu sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, menyatakan tapak alternatif akan diberikan jika terdapat keperluan untuk tempat beribadat itu.

Samy Vellu, mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir, berkata beliau menulis kepada Perdana Menteri bulan lepas berkaitan masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil Hindu.

Beliau juga menyarankan pihak berkuasa tempatan di Selangor untuk membenarkan pembinaan kira-kira 140 kuil yang telah didaftarkan.

-- BERNAMA

ES RI